

# Penduduk di luar bandar perlu didedah pengetahuan penjagaan diri, keluarga dan masyarakat

NST 20.8.2018 8



KENANGAN... Dr Haryati (tiga dari kanan) bersama Dr Gunsi (dua dari kanan) dan rombongan bergambar kenangan dengan beberapa penduduk kampung.

OLEH MARUTIN ANSIUNG

**NABAWAN:** Penduduk di luar bandar perlu didedahkan dengan pengetahuan tentang penjagaan kesihatan diri, keluarga dan masyarakat keseluruhannya.

Pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS) Dr Haryati Abdul Karim berkata, ini penting supaya mereka mempunyai kesedaran tentang pentingnya penjagaan kesihatan di kalangan masyarakat setempat.

Katanya, walaupun penduduk setempat mendapat perkhidmatan dan rawatan di klinik-klinik kesihatan yang berhampiran tetapi doktor-doktor yang merawat mereka tidak mempunyai masa yang cukup untuk memberi penjelasan yang terperinci berkenaan penjagaan kesihatan.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Program Kajian Tinjauan Soal Selidik tentang Literasi Kesihatan dari Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan bersama Fakulti Perubatan UMS di Kampung Salarom Baru, dekat

sini pada Sabtu.

"Justeru itu, penduduk di luar bandar perlu pendedahan yang secukupnya tentang penjagaan kesihatan untuk kesejahteraan hidup keluarga," jelas Haryati yang merupakan Ketua Program itu.

Pada Program yang turut disertai oleh dua Pensyarah dari Fakulti yang sama terdiri daripada Dr Gusni Saat dan Dr Oliver Valentine Eboy. Rombongan dari UMS itu telah menjalankan soal selidik kepada beberapa keluarga di kampung itu untuk berkongsi maklumat berkenaan program tersebut.

Bagi penduduk kampung yang terlibat dalam program itu, mereka berpuas hati kerana selain disoal selidik, mereka juga dapat berkenalan dengan para pensyarah dan waraga UMS yang terlibat.

Mereka berharap supaya program seumpama ini dan program-program lain dari pihak UMS akan dapat dianjurkan di kampung mereka pada masa akan datang.